



**SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**PENUTUPAN SEMENTARA
KAUNTER-KAUNTER PERKHIDMATAN DI JABATAN-JABATAN DAN
BAHAGIAN-BAHAGIAN DI BAWAH KEMENTERIAN KEWANGAN DAN
EKONOMI**

Tarikh : 8hb. Ogos 2021

1. Berikutan dengan kenyataan Kementerian Kesihatan semasa sidang media pada 7hb. Ogos 2021 mengenai dengan langkah-langkah pengawalan yang diperketatkan semula di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kewangan dan Ekonomi sukacita memaklumkan bahawa beberapa buah kaunter perkhidmatan di Jabatan-Jabatan dan Bahagian-Bahagian akan ditutup sementara bermula **hari Isnin, 29hb., Zulhijjah 1442 bersamaan 9hb., Ogos 2021** sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian iaitu kaunter-kaunter seperti berikut:
 - 1.1 Jabatan Perbendaharaan (tidak termasuk kaunter penjualan beras, gula dan bendera di Kompleks Stor Negara Gadong, yang mana pihak yang ingin berurusan perlulah menghubungi Jabatan Perbendaharaan terlebih dahulu untuk mendapatkan slot perjumpaan);
 - 1.2 Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (tidak termasuk kaunter-kaunter pemeriksaan di pejabat-pejabat pos dan pos-pos kawalan);
 - 1.3 Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik;
 - 1.4 Bahagian Pendaftaran Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (ROCBN);
 - 1.5 Bahagian Hasil;
 - 1.6 Bahagian Perdagangan;
 - 1.7 Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan;
 - 1.8 Sekretariat *Ease of Doing Business*; dan
 - 1.9 Pusat Standard Kebangsaan



2. Berikut dengan penutupan tersebut, orang ramai bolehlah berurusan serta membuat permohonan dan pembayaran secara atas talian (*online*) melalui sistem-sistem yang sedia ada bagi beberapa perkhidmatan seperti berikut;
 - 2.1 Jabatan Perbendaharaan – **E-Invoice melalui www.tafis.gov.bn**
 - 2.2 Jabatan Kastam dan Eksais Diraja - **Brunei Darussalam National Single Window (BDNSW) www.bdnsw.mofe.gov.bn**
 - 2.3 Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik – **e-CENSUS www.brucensus.gov.bn**
 - 2.4 Bahagian Pendaftaran Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (ROCBN)- **One Common Portal www.ocp.mofe.gov.bn**
 - 2.5 Bahagian Hasil - **System for Tax Administration and Revenue Services (STARS) www.stars.gov.bn**
 - 2.6 Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan – **OneBiz www.onebiz.business.gov.bn**

3. Walaubagaimanapun, bagi perkhidmatan yang masih memerlukan borang permohonan dan sebagainya untuk dihadapkan ke Jabatan-Jabatan dan Bahagian-Bahagian di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, *drop box* adalah disediakan di lobi Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi memudahkan orang ramai yang membuat urusan. Sukacita dipohonkan kepada orang ramai untuk memastikan dokumen-dokumen berkenaan dimasukkan kedalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan dengan jelas nama Jabatan atau Bahagian yang ditujukan bagi memudahkan urusan selanjutnya. *Drop box* juga disediakan di Ibu Pejabat Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Borang-Borang boleh dimuat turun (download) melalui laman sesawangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (www.mofe.gov.bn).

4. Bagi sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut orang ramai bolehlah menghubungi Jabatan dan Bahagian melalui platform-platform seperti berikut:

Bil.	Jabatan/ Bahagian	Talian Telefon (Pada Waktu Pejabat)	Alamat E-Mel
4.1	Jabatan Perbendaharaan		
4.1.1	Pusat Perkhidmatan Pelanggan	2383444	ppp@treasury.gov.bn
4.1.2	Unit Perbekalan (Penjualan beras dan bendera)	2384545	



4.2	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja	2382333 / 2382361	info@customs.gov.bn
4.3	Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik		
4.3.1	Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna	2233344 ext 364/356/345 Consumer Hotline: 123	dcca@jpes.gov.bn aduanpengguna@jpes.gov.bn consumercomplaint@jpes.gov.bn sales@jpes.gov.bn
4.3.2	Jabatan Perangkaan	2230275/ 2233344 ext 647/662/651	info.statistics@jpes.gov.bn
4.3.3	Seksyen Kewangan, Bahagian Hal Ehwal Korporat	2233344 ext 215	info@jpes.gov.bn
4.4	Bahagian Hasil	2383933 / 2380651	revenue@mofe.gov.bn
4.5	Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan	2383444 / 2380505	info.rocbn@mofe.gov.bn corporate.rocbn@mofe.gov.bn
4.6	Bahagian Perdagangan	2383696	coo.officebrunei@mofe.gov.bn
4.7	Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan		
4.7.1	Industri dan Ekosistem Perniagaan	2384506	ibe@mofe.gov.bn
4.7.2	Unit Pembangunan Koperasi	2383224/ 2383225	info.koperasi@mofe.gov.bn
4.7.3	Unit Sukatan dan Timbangan	2334092	sdt@mofe.gov.bn
4.7.4	Business Reporting Portal	2384506	br@mofe.gov.bn
4.7.5	OneBiz Portal	2384506	onebiz@business.gov.bn



4.7.6	<i>Entry Travel Pass for Professional Visa</i>		etpac@mofe.gov.bn
4.8	Sekretariat <i>Ease of Doing Business</i>	2384506	eodb@mofe.gov.bn
4.9	Pusat Standard Kebangsaan	2333964	nationalstandard@mofe.gov.bn

5. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengamalkan tanggungjawab sosial dengan mengamalkan kebersihan diri, etika batuk dan bersin yang betul, penjarakan fizikal dan jika merasa kurang sihat, tidak menghadirkan diri ke Jabatan-Jabatan dan Bahagian-Bahagian di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Pemeriksaan suhu badan akan dilakukan, mengimbas kod QR melalui aplikasi BruHealth setiap kali masuk dan keluar. Sungkup muka hendaklah dipakai pada setiap masa apabila berada di dalam bangunan.
6. Kerjasama dan pertimbangan orang ramai adalah sangat diharapkan dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang mungkin berbangkit.

Sekian disampaikan.

Kementerian Kewangan dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam